

Bangkok: Jabatan Perikanan meminta sampel asid deoksiribonukleik (DNA) tilapia blackchin daripada Ghana untuk mengesahkan sama ada spesies ikan invasif itu di Thailand, berasal dari negara Afrika berkenaan.

Memetik laporan Bangkok Post, ketua pengarah jabatan itu, Bancha Sukkaew, berkata, pihaknya sudah menghantar surat untuk meminta DNA atau beberapa sampel tilapia, daripada negara terbabit.

Charoen Pokphand Foods (CPF), konglomerat agroindustri dan makanan yang beribu pejabat di Thailand, sebelum ini memohon kebenaran untuk mengimport ikan itu untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada 2010.

Di samping itu, Sukkaew berkata, data berkenaan



IKAN tilapia blackchin.

4.11 4/10/24 pg 22

Mohon sampel DNA ikan tilapia invasif

akan digunakan untuk membandingkan sampel DNA spesies invasif itu yang ditemukan di 17 wilayah di negara ini, termasuk Chanthaburi, Rayong, dan Bangkok.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi Atthakorn Siri-

latthayakorn pula berkata, kementerian menerima maklum balas positif selepas menawarkan untuk membeli tilapia blackchin pada harga AS\$0.42 (kira-kira RM1.89) satu kilogram (kg) yang akan digunakan untuk membuat baja.